

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 10 TAHUN 2019**

**Tarikh** : 30 Oktober 2019 (Rabu)

**Masa** : 11.30 pagi hingga 1.15 tengahari

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya

**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa

mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 10/2019. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Makluman tentang kematian Ahli Majlis MPSJ, Allahyarham Datuk Kamaruzzaman bin Ibrahim pada 26 Oktober 2019 yang lepas serta meminta semua ahli mesyuarat menyedekahkan bacaan al Fatihah dan bertafakur, semoga roh arwah dicucuri rahmatNya.
- ii) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan Oktober 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- iii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iv) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- v) Perkongsian maklumat tentang Konvensyen Pemerksaan PBT 2019 dan Persidangan *Asia Pacific Urban Forum ke-7 (APUF7)*

yang telah diadakan pada 14 hingga 17 Oktober 2019 yang lepas bertempat di Setia SPICE Convention Centre, Pulau Pinang. MPSJ telah menghantar beberapa orang Ahli Majlis dan pegawai MPSJ menghadiri persidangan ini. Banyak perkara yang dapat dipelajari melalui persidangan ini antaranya ialah perkongsian pelaksanaan *Sustainable Development Goal* daripada agensi dalam dan luar negara.

Setiap organisasi perlu mempunyai satu matlamat atau target untuk mencapai *Sustainable Development Goal* dan MPSJ telah menetapkan tahun 2030 sebagai target bagi mencapai perkara-perkara yang termasuk dalam pengukuran *Sustainable Development Goal*.

- vi) Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) Negeri Selangor, mulai 1 Oktober 2019 sehingga 30 September 2020.

Kaedah pelaksanaan program ini terdiri daripada dua (2) peringkat iaitu :

- a) Tindakan penguatkuasaan
- b) Tempoh pemutihan dan penawaran insentif

Dalam tempoh program ini, lot tanah KTK yang terletak dalam zon gunatanah Industri Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2020 perlu menukar syarat kegunaan tanah kepada Perindustrian. Seterusnya permohonan

Kebenaran Merancang dan Kelulusan Pelan Bangunan perlu dikemukakan. Bagi lot tanah yang di luar zon gunatanah perindustrian, pemunya tanah perlu memulihkan tanah dengan mengembalikan mengikut kategori tanah dalam hakmilik.

Antara insentif yang ditawarkan kepada pemunya tanah yang menyertai program ini adalah :

- a) Potongan sehingga 30% bayaran premium/premium tambahan dijelaskan dalam tempoh dua (2) bulan.
- b) Potongan 20% jika dijelaskan dalam tempoh empat (4) bulan dan potongan 10% jika dijelaskan dalam tempoh enam (6) bulan.
- c) Sekiranya tidak mampu untuk membayar premium secara sekali bayaran, bayaran 10% nominal daripada jumlah premium/premium tambahan yang diluluskan dan didaftarkan Kaveat Pendaftar.

Pengusaha KTK boleh memohon Permit Khas Tanah daripada Pejabat Daerah Tanah Petaling dan Lesen Sementara dengan kadar 5 kali ganda daripada MPSJ khusus bagi tanah-tanah yang di luar zon gunatanah Industri Rancangan Tempatan dan terpakai sehingga 30 September 2019. Ia bagi memberi peluang kepada pemunya tanah/pengusaha KTK terlibat untuk memulihkan tanah dan berpindah ke kawasan perindustrian.

Selepas tempoh Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) Negeri Selangor ini tamat, MPSJ akan mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) ke atas pemunya tanah dan pengusaha yang enggan menyertai Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) Negeri Selangor ini. Manakala Pejabat Tanah Daerah Petaling akan mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut Kanun Tanah Negara 1965.

- vii) Program usahasama antara MPSJ dan Pusat Giat MARA bagi program belia B40 Pangsapuri Kos Rendah dalam kawasan pentadbiran MPSJ 2019 akan diadakan pada 3 November 2019 (Ahad) bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks 3K, SS13. Program usaha sama ini akan memberi peluang kepada semua belia di pangsapuri kos rendah dalam kawasan pentadbiran MPSJ untuk turut serta memainkan peranan dalam membina komuniti belia yang cemerlang.
- viii) Majlis Penutup Program Generasi Bestari (Smart Gen) dan Penyampaian Anugerah Sekolah Sejahtera MPSJ 2019 akan diadakan 15 November 2019 (Jumaat), jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Da Men Mall, USJ 1 Subang Jaya.
- ix) Program Karnival 3W (Wellness, Welfare & Women) Peringkat MPSJ 2019 yang di jadualkan pada 20 Oktober 2019 di

tanggungkan ke 15 Disember 2019 dengan tema “Hari Kanak-kanak dan Diebetes.

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 9/2019**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2019 yang telah diadakan pada 25 September 2019 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 09/2019**

Maklum balas Mesyuarat Penuh MPSJ bil. 9/2019 disahkan tanpa pindaan.

### **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

#### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.16/2019 bertarikh 8 Oktober 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya bil. 10/2019 bertarikh 8 Oktober 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2019 bertarikh 9 Oktober 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.2.2 & m/s 13	Encik Tai Cheng Heng	Pembinaan MRT	Beliau meminta agar perkara berikut dilaksanakan : i) Menjemput pihak MRT untuk memberikan taklimat kepada ahli mesyuarat. ii) Menyenaraikan

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>kerja-kerja pihak LRT yang masih tertunggak untuk dibincangkan dalam mesyuarat.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta perkara tersebut di ambil tindakan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>
2.		Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh		Beliau memaklumkan bahawa, pihak MRT sering kali melanggar syarat yang ditetapkan dari segi kebersihan, jalan berlubang dan penutupan jalan. Beliau meminta agar perkara ini dapat diatasi untuk



<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>keselamatan pengguna jalan raya.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ tidak boleh mengambil tindakan terhadap pihak MRT sekiranya pembinaan dilakukan dalam kawasan jalan milik JKR. Beliau mencadangkan supaya MPSJ menghantar surat kepada pihak JKR dan Menteri Kerja Raya berhubung masalah ini.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>

#### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2019 Bertarikh 10 Oktober 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Puan Yang Dipertua	Bajet MPSJ 2020	Beliau meminta supaya dibuat kenyataan akhbar tentang perancangan bajet bagi projek-projek yang akan dilaksanakan di semua kawasan pentadbiran MPSJ sebagai hebahan kepada rakyat.  <b>Tindakan : Jabatan Perbendaharaan / Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</b>

## 5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10/2019 bertarikh 21 Oktober 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.1 & m/s 12	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Hal-hal lain : CCTV di kawasan banjir	Beliau mencadangkan perkara berikut : i) Pemasangan <i>alert system</i> banjir dipanjangkan ke semua lokasi dalam pentadbiran MPSJ. ii) Perbincangan lanjut dilaksanakan bagi mengatasi banjir di kawasan pentadbiran MPSJ.  <b>Keputusan Mesyuarat :</b>  i) Puan Yang Dipertua

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>bersetuju dengan cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, MPSJ perlu melihat kemampuan kewangan. Beliau mencadangkan supaya dibuat tawaran pemasangan tersebut kepada syarikat swasta yang berminat dengan syarat pembayaran dilaksanakan secara bertempoh mengikut kemampuan MPSJ.</p> <p>ii) Mengadakan mesyuarat khas bersama pihak berkaitan seperti UPM, JPS dan lain-lain bagi</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>membincangkan lebih lanjut penyelesaian banjir.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat</b></p>
2.	Para 7.0 & m/s 12	Encik Yap Kok Weng	Hal-hal lain	<p>Beliau memaklumkan bahawa beliau telah mencadangkan supaya ujian stress dibuat kepada Ahli Majlis MPSJ namun perkara ini tidak dicatat dalam minit mesyuarat. Beliau memohon agar pembetulan minit mesyuarat dilaksanakan.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat MPSJ membuat pembetulan terhadap minit mesyuarat.  <b>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</b>

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2019 bertarikh 21 Oktober 2019**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 6	Encik Mohan Singh a/l Surtar	Kertas cadangan memperkasakan program kawalan anjing belaan dan	Beliau memohon agar diperjelaskan keputusan mesyuarat tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Singh	terbiar di kawasan pentadbiran MPSJ	<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa kertas cadangan memperkasakan program kawalan anjing belaan dan terbiar di kawasan pentadbiran MPSJ telah ditangguhkan. Kertas ini akan diperhalusi dan dibentangkan semula dalam mesyuarat Jawatankuasa untuk kelulusan. Sekiranya diluluskan, ianya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pre Council dan pemakluman dalam Mesyuarat Penuh MPSJ sebelum dikuatkuasakan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Kesihatan</b></p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
2.		Encik Tai Cheng Heng		<p>Beliau mencadangkan agar melaksanakan program yang mendidik masyarakat berkaitan pembuangan sisa makanan yang menyebabkan wujud masalah anjing liar, tikus, lalat dan gagak.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kesihatan</b></p>



## 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.10/2019 Bertarikh 24 Oktober 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Yap Kok Weng	Perayaan musim tengkujuh	Beliau mencadangkan supaya permohonan permit perayaan musim tengkujuh hanya dikuatkuasakan kepada persatuan sahaja dan bukannya individu.  <b>Keputusan Mesyuarat :</b>  Puan Yang Dipertua meminta supaya perkara berkaitan permit perayaan musim tengkujuh dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				Jawatankuasa Kawalan Perniagaan. <b>Tindakan : Jabatan Pelesenan</b>

## **6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA**

### **6.1 Laporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) bagi ISO 37001:2016 Majlis Perbandaran Subang Jaya (Kertas Mesyuarat Bil.16/10/2019)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Unit Integriti dan dibentangkan oleh Penolong Pengarah Integriti.

#### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju untuk menerima pembentangan Laporan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) bagi ISO 37001:2016 Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**Makluman**

## **7.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.15 tengahari.

Tarikh Disediakan : 30 Oktober 2019

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                       |   | Pengerusi<br>Mesyuarat  |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Yang Dipertua | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng  | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "                       |
| 5.  | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim  | - | "                       |
| 6.  | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim  | - | "                       |
| 7.  | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin  | - | "                       |
| 8.  | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "                       |
| 9.  | Puan Kavitha a/p Chandragesan   | - | "                       |
| 10. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman   | - | "                       |
| 11. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh  | - | "                       |
| 12. | Encik Thomas Low Yew Sin  | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 13. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh       | - | " |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | " |
| 15. | Encik Chia Yew Ken                       | - | " |
| 16. | Encik Tai Cheng Heng                     | - | " |
| 17. | Encik Thamilarasu Sandayan               | - | " |
| 18. | Encik Wong Yii Seang                     | - | " |
| 19. | Puan Lee Jen Uyin                        | - | " |
| 20. | Puan Ng Seow Chen                        | - | " |
| 21. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 22. | Encik Koh Eng Kee                        | - | " |
| 23. | Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed          | - | " |
| 24. | Encik Thong Kim Fatt                     | - | " |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
  
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S -  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
  
3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
  
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
  
5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
  
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
  
7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
  
8. Sr. Aida binti Omar, MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

9. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
  
10. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
  
11. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
  
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
  
13. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
  
14. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
  
15. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
  
16. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
  
17. Puan Rubaizah binti Mohamed Nor  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

18. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
19. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
20. Encik Emyshimy Rizal bin Nasaruddin  
Penolong Pengarah , Jabatan COB
21. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Unit Audit Dalam

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Encik M Anbarasan a/l Murugesu - Ahli Majlis
2. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
3. Puan Hjh Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
4. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Unit Audit Dalam
5. Sr. Mohd Marwan bin khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB



## **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan